

KEBIMBANGAN BAHASA DALAM KALANGAN GURU PELATIH MAJOR BAHASA ARAB INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA

Aznida binti Aziz, PhD
Jabatan Pengajian Islam dan Moral
Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail
aznidahakim@yahoo.com

Kamarul Shukri bin Mat Teh, PhD
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Sultan Zainal Abidin

Abstrak

Penguasaan bahasa Arab masih di tahap yang belum memuaskan, masih ramai pelajar yang menghadapi kebingungan bahasa dalam kelas bahasa Arab. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis kebingungan bahasa guru pelatih major bahasa Arab di Institut Pendidikan Guru Malaysia semasa mempelajari bahasa Arab dan mengenal pasti tahap kebingungan bahasa guru pelatih tersebut secara keseluruhan dan berdasarkan kategori. Instrumen soal selidik yang digunakan adalah dibina berdasarkan gagasan yang terdapat dalam Skala Kebimbangan Bahasa Dalam Kelas oleh (Horwitz, 1986). Hasil kajian menunjukkan bahawa pekali kebolehpercayaan untuk instrumen kebingungan bahasa adalah 0.855. Bukti kesahan isi kandungan telah didapati daripada penyemakan panel pakar. Min bagi kebingungan bahasa bagi faktor Kebimbangan Terhadap Penilaian Negatif berada pada tahap pertengahan iaitu ($M = 3.4812$, $SP = .50259$). Ini diikuti oleh Kebimbangan Terhadap Ujian berada pada tahap pertengahan iaitu ($M = 3.4529$, $SP = .48971$) dan yang terakhir ialah Kebimbangan Berkomunikasi berada pada tahap pertengahan iaitu ($M = 3.4172$, $SP = .63172$). Implikasi hasil kajian ini akan memberi sumbangan kepada para guru dan pelajar mengenal pasti jenis-jenis kebingungan bahasa, oleh itu mereka dapat meningkatkan mutu kecemerlangan bahasa Arab.

Kata kunci: kebingungan bahasa, bahasa Arab, Guru Pelatih Major Bahasa Arab, Institut Pendidikan Guru Malaysia, kebingungan terhadap penilaian negatif.

Pengenalan

Kemahiran bahasa merupakan perkara yang sangat penting dan perlu dititikberatkan terutama bagi pelajar yang menyambung pelajarannya dalam bidang bahasa seperti bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Dewasa kini kesedaran untuk mempelajari bahasa asing semakin mendapat perhatian dari pelbagai lapisan masyarakat kerana mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Kebanyakan universiti tempatan menawarkan mata pelajaran bahasa asing sebagai pelengkap kursus yang diambil (Wan Zarina et al., 2007). Namun hakikatnya proses pembelajaran bahasa asing ini bukanlah suatu perkara yang mudah, malah ia menimbulkan kebingungan serta keresahan dalam kalangan pelajar (Azizah et al., 2006) untuk menguasai bahasa tersebut.

Mereka juga sukar untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam pencapaian akademik semasa belajar di universiti.

Kemahiran bahasa juga menjadi satu perkara yang wajib dikuasai oleh semua pendidik. Kajian yang dilakukan oleh Azizah et al. (2006) terhadap guru pelatih Sarjana Muda Sains serta Pendidikan TESL, Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor menunjukkan bahawa kebimbangan bahasa Inggeris berada pada tahap tinggi. Ini disokong oleh kajian Wan Zarina et al. (2007) terhadap pelajar yang mengikuti kelas bahasa asing di Universiti Teknologi Malaysia. Beliau mendapati kebimbangan pelajar bahasa asing berada pada tahap tinggi. Perkara ini juga berlaku dalam kalangan guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, Institut Pendidikan Guru Perlis Ambilan 2007 yang menjalani latihan praktikum di sekolah-sekolah rendah sekitar negeri Perlis dan Kedah. Mereka menghadapi kebimbangan bahasa Arab yang tinggi semasa pengajaran dan tidak yakin untuk mengajar dengan baik dalam bahasa Arab (Laporan Praktikum PISMP Ambilan 2007).

Pernyataan Masalah

Sukatan bahasa Arab di Institut Pendidikan Guru Malaysia digubal untuk memastikan bakal guru yang mengajar bahasa Arab mendapat pengetahuan serta kemahiran yang berkaitan (Modul BA IPG, 2010). Mereka juga diharap dapat menguasai empat kemahiran bahasa yang diperlukan iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dengan baik seterusnya melatih generasi muda di sekolah dengan kemahiran tersebut (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Walau bagaimanapun, timbul persoalan adakah guru pelatih bahasa Arab ini mempunyai kefahaman dan pengetahuan tentang kebimbangan bahasa? Perkara ini perlu diberikan pendedahan agar mereka memahami masalah pembelajaran yang dihadapi serta mengenal pasti jenis-jenis kebimbangan bahasa. Perkara ini menjadi persoalan utama kerana masih terdapat guru pelatih major bahasa Arab yang gagal dalam subjek bahasa Arab dan masih ramai lagi yang mendapat keputusan yang agak rendah semasa peperiksaan semester (Laporan Peperiksaan Semester Tiga IPG Kampus Perlis, 2012). Kemahiran bertutur dalam bahasa Arab juga masih di tahap yang sederhana (Laporan Praktikum j-Qaf Major Bahasa Arab Ambilan 2012) dan memerlukan usaha yang lebih untuk meningkatkannya terutama semasa proses pembelajaran dan pengajaran membincangkan tentang masalah dalam pembelajaran bahasa Arab. Kebanyakan kajian lebih menumpukan masalah dalam pembelajaran bahasa Arab peringkat sekolah dan universiti. Sehubungan dengan itu, berdasarkan perbincangan di atas, menjadi kewajipan kepada pengkaji untuk mengkaji dan meneliti kebimbangan bahasa dalam kalangan guru pelatih bahasa Arab bagi Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di Institut Pendidikan Guru Malaysia yang masih belum dikaji secara khusus.

Tujuan Kajian

Berdasarkan kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa kajian tentang kebimbangan bahasa di Malaysia sedang giat dijalankan oleh para penyelidik-penyelidik yang lepas, namun kajian tentang kebimbangan bahasa Arab masih kurang dilakukan. Tujuan kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk mengkaji secara terperinci tentang kebimbangan bahasa dalam kalangan guru pelatih major bahasa Arab Institut Pendidikan Guru Malaysia.

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti jenis kebimbangan bahasa guru pelatih major bahasa Arab di Institut Pendidikan Guru Malaysia semasa mempelajari bahasa Arab.
2. Mengenal pasti tahap kebimbangan bahasa guru pelatih major bahasa Arab di Institut Pendidikan Guru Malaysia secara keseluruhan dan berdasarkan kategori.

Persoalan Kajian

1. Apakah jenis kebimbangan bahasa guru pelatih major bahasa Arab di Institut Pendidikan Guru Malaysia semasa mempelajari bahasa Arab?
2. Apakah tahap kebimbangan bahasa guru pelatih major bahasa Arab di Institut Pendidikan Guru Malaysia secara keseluruhan dan berdasarkan kategori?

Sorotan Literatur

Terdapat banyak kajian mengenai kebimbangan bahasa dilakukan oleh ramai pengkaji di Malaysia. Kajian yang dilakukan melibatkan pelbagai bahasa iaitu bahasa Inggeris, bahasa Arab, bahasa Jepun dan berbagai bahasa lagi. Kebimbangan bahasa telah banyak dibincangkan dalam kalangan pengkaji-pengkaji di Malaysia dan luar negara. Horwitz et al. (1986) menjelaskan bahawa fenomena ini sering berlaku dalam kelas-kelas bahasa asing, melibatkan kegelisahan dan kebimbangan para pelajar dalam mengikuti pembelajaran bahasa asing. Horwitz et al. (1986) berpendapat, suasana pembelajaran yang menyeronokkan perlu diwujudkan agar kebimbangan berbahasa dapat dikurangkan dan meningkatkan minat dalam pembelajaran.

Pendapat ini disokong oleh kajian Elkhafaifi (2005) terhadap 453 pelajar yang mempelajari bahasa Arab di sepuluh buah universiti Amerika Syarikat. Instrumen soal selidik kebimbangan bahasa Horwitz telah digunakan untuk kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kebimbangan bahasa boleh memberi kesan kepada para pelajar. Beliau mencadangkan agar suasana pembelajaran yang kondusif dan tenang perlu diwujudkan dalam kelas bagi mengurangkan keresahan semasa pembelajaran dan meningkatkan minat untuk belajar.

Azizah et al. (2006) telah membuat kajian terhadap kebimbangan bahasa Inggeris. Seramai 56 orang guru pelatih Sarjana Muda Serta Pendidikan TESL di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor terlibat dalam kajian ini. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kebimbangan dan faktor-faktor yang berkaitan dengan kebimbangan guru pelatih TESL sebelum menjalani latihan praktikal di sekolah-sekolah sekitar negeri Johor. Soal selidik "*Student-Teacher Anxiety Scale*" yang telah diadaptasi daripada Hart (1987) digunakan untuk tujuan kajian. Soal selidik ini mengandungi 50 item untuk memenuhi matlamat dan objektif kajian.

Hasil kajian ini mendapati tahap kebimbangan guru pelatih TESL berdasarkan faktor-faktor pengurusan kelas, persediaan mengajar, kepakaran mengajar, kepakaran bahasa, persekitaran sekolah / staf dan konsep sendiri berada pada tahap tinggi dan sederhana tinggi. Mereka masih menghadapi kebimbangan pada tahap tinggi walaupun pendedahan sewajarnya tentang latihan praktikum telah dibuat sebelum dan selepasnya. Noor Hashima (2007) telah

membuat penyelidikan terhadap 19 orang pelajar Universiti Utara Malaysia berkaitan dengan kebimbangan bahasa semasa mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Empat komponen kebimbangan bahasa telah diselidik iaitu sumber kebimbangan bahasa, reaksi terhadap kebimbangan bahasa, strategi mengatasi kebimbangan bahasa dan kesan akibat kebimbangan bahasa. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes secara kualitatif. Pemilihan sampel peserta kajian dilakukan mengikut sampel bermakna untuk memilih kes-kes bermaklumat tinggi. Strategi pensampelan yang digunakan ialah pensampelan variasi maksimum untuk mencari pola kesamaan bagi tiga tahap kursus-kursus bahasa Inggeris serta persampelan kajian. Dapatan kajian ini menunjukkan semua pelajar mengalami kebimbangan bahasa pada tahap yang berlainan seperti rendah, sederhana dan tinggi. Kemahiran bahasa yang paling dikaitkan dengan sumber-sumber kebimbangan ialah percakapan dan penulisan. Kebimbangan negatif pula merupakan pengalaman biasa dalam kalangan pelajar tanpa pengecualian.

Kajian berkaitan kebimbangan bahasa Arab juga turut diketengahkan oleh pengkaji di Malaysia. Ghazali et al. (2011) telah menjalankan kajian terhadap 279 orang pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda Universiti Teknologi Mara, Shah Alam yang memilih bahasa Arab sebagai subjek elektif. Kajian ini bertujuan melihat aspek kebimbangan ujian, motivasi intrinsik dan ekstrinsik dalam konteks kemahiran lisan. Kajian yang dijalankan berbentuk kuantitatif dengan penggunaan soal selidik pembelajaran sendiri (*self-regulated learning*) yang diubah suai daripada skala *The Motivated Strategies For Learning Questionnaire* (MLSQ) menggunakan teknik pensampelan rawak berstrata. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kebimbangan ujian semua pelajar adalah sederhana. Motivasi intrinsik dan ekstrinsik pelajar pula berada pada tahap tinggi. Kajian ini mendapati tiada perkaitan yang signifikan antara motivasi intrinsik dan ekstrinsik dengan kebimbangan ujian pelajar.

Metodologi Kajian

1. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian deskriptif secara tinjauan yang bertujuan untuk mengenal pasti secara menyeluruh kebimbangan bahasa guru pelatih major bahasa Arab, Institut Pendidikan Guru Malaysia. Penyelidik memilih reka bentuk kajian deskriptif kerana ia bertujuan untuk memberi penerangan yang sistematik mengenai fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi atau bidang yang diminati secara fakta atau tepat (Sidek, 2002).

Seramai 148 orang guru pelatih major bahasa Arab Institut Pendidikan Guru Malaysia telah dipilih untuk kajian ini. Bilangan ini telah memenuhi keperluan bilangan responden yang dicadangkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) iaitu mewakili lebih daripada sepuluh peratus daripada jumlah guru pelatih major bahasa Arab Institut Pendidikan Guru Malaysia. Walau bagaimanapun, saiz sampel telah ditingkatkan kepada 160 orang untuk meningkatkan ketepatan dalam penyelidikan.

2. Instrumen Kajian

Instrumen soal selidik digunakan bagi mengumpul maklumat tentang kebimbangan bahasa dalam kalangan guru pelatih major bahasa Arab Institut Pendidikan Guru Malaysia. Soal selidik tersebut dibina berdasarkan gagasan yang terdapat dalam Skala Kebimbangan Bahasa Dalam Kelas oleh (Horwitz, 1986). Soal selidik ini telah di hasilkan oleh Elaine K. Horwitz, tenaga pengajar di Universiti Texas, Amerika Syarikat pada sekitar tahun 1986. Ia mengandungi 33 item dan terbahagi kepada tiga konstruk. Konstruk tersebut adalah

Kebimbangan Berkomunikasi, Kebimbangan Terhadap Ujian dan Kebimbangan Terhadap Penilaian Negatif.

Kebimbangan Berkomunikasi bermaksud sejenis perasaan malu yang mempunyai ciri ketakutan atau kebimbangan untuk berkomunikasi dengan orang ramai. Kebimbangan Terhadap Ujian merujuk kepada sejenis kebimbangan prestasi berpunca daripada perasaan takut terhadap kegagalan dalam penilaian atau ujian. Kebimbangan Terhadap Penilaian Negatif, ditakrifkan sebagai kebimbangan yang dialami berkaitan penilaian yang dibuat oleh individu lain yang belajar bersama-sama mereka. Konstruk Kebimbangan Berkomunikasi terdiri daripada 12 item iaitu item bernombor 1, 3, 4, 9, 13, 14, 18, 20, 24, 27, 29 dan 33. Konstruk Kebimbangan Terhadap Ujian pula mengandungi 13 item iaitu item bernombor 5, 6, 10, 11, 12, 16, 17, 22, 25, 26, 28, 30 dan 32. Konstruk Kebimbangan Terhadap Penilaian Negatif turut diberi penekanan dalam kajian ini di mana sebanyak lapan item yang terlibat iaitu item bernombor 2, 7, 8, 15, 19, 21, 23 dan 31. Kesemua 33 item yang dihasilkan oleh Horwitz adalah untuk mengukur tahap kebimbangan para pelajar semasa mengikuti kelas bahasa Inggeris. Setelah Horwitz menggunakan soal selidik tersebut dalam pelbagai kajian terhadap para pelajarnya dalam bidang bahasa Inggeris, ramai pengkaji lain telah berminat untuk menjadikannya sebagai panduan dalam menguji kebimbangan dalam kalangan pelajar bahasa. Soal selidik ini telah digunakan ke atas menguji pelajar bahasa Jepun, bahasa Arab dan pelbagai bahasa lagi.

3. Analisis Data

Untuk mengetahui jenis dan tahap kebimbangan guru pelatih major bahasa Arab Institut Pendidikan Guru Malaysia, data telah dianalisis dengan menggunakan program SPSS (*Statistical Package For Social Science*) untuk mengetahui peratus, min dan sisihan piawai bagi kebimbangan berbahasa. Untuk menentukan tahap kebimbangan bahasa, data telah dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Nilai min yang diperolehi ditafsirkan menggunakan interpretasi yang dicadangkan oleh Oxford (1990). Kriteria penilaian tahap kebimbangan bahasa adalah seperti berikut :

Jadual 1 : Interpretasi Skor Min Tahap Kebimbangan Bahasa

Tinggi	Amat setuju	4.5 hingga 5.0
	Tidak setuju	3.5 hingga 4.4
Pertengahan	Tidak pasti	2.5 hingga 3.4
Rendah	Tidak setuju	1.5 hingga 2.4
	Amat tidak setuju	1.0 hingga 1.4

Jadual 1 di atas digunakan untuk membuat interpretasi bagi min kebimbangan bahasa guru pelatih major bahasa Arab Institut Pendidikan Guru Malaysia. Terdapat tiga kriteria utama bagi mengetahui tahap min tersebut iaitu rendah, pertengahan dan tinggi. Setelah analisis deskriptif dilakukan, nilai min yang diperolehi ditafsirkan berpandukan jadual ini.

Dapatan Kajian

Penyelidik telah membahagikan populasi kajian ini kepada kumpulan jantina dan lokasi Institut Pendidikan Guru. Terdapat 103 orang guru pelatih lelaki major bahasa Arab dan 141 orang

guru pelatih perempuan major bahasa Arab di empat buah institut pendidikan guru yang dipilih. Pemilihan sampel dilakukan secara berkadar mengikut kumpulan lelaki dan perempuan. Penyelidik memilih 68 orang guru pelatih lelaki major bahasa Arab dan 92 orang guru pelatih perempuan major bahasa Arab sebagai sampel kajian.

Jadual 2 : Bilangan sampel guru pelatih major bahasa Arab Institut Pendidikan Guru Malaysia.

STRATA	JANTINA		JUMLAH
	LELAKI	PEREMPUAN	
Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam, Bangi	29 orang	46 orang	75 orang
Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun, Seberang Prai	19 orang	23 orang	42 orang
Institut Pendidikan Guru Kampus Kent	10 orang	14 orang	24 orang
Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis	10 orang	9 orang	19 orang
Jumlah	68 orang (42%)	92 orang (58%)	160 orang (100%)

Jadual 3 : Indeks Kebolehpercayaan Alfa Cronbach berdasarkan konstruk dan secara keseluruhan bagi kebimbangan bahasa

Konstruk	Alfa Cronbach	Bilangan Item
Kebimbangan berkomunikasi	.75	12
Kebimbangan terhadap ujian	.61	13
Kebimbangan terhadap penilaian negatif	.60	8
Keseluruhan kebimbangan bahasa	0.86	33

Kebolehpercayaan instrumen telah diukur dengan Alfa Cronbach. Indeks kebolehpercayaan bagi instrumen kebimbangan bahasa ialah 0.855. Secara keseluruhan, indeks kebolehpercayaan instrumen kajian ini adalah tinggi.

Jadual 4 : Analisis Deskriptif Kebimbangan Bahasa Terhadap Faktor Kebimbangan Berkomunikasi.

KEBIMBANGAN BERKOMUNIKASI

ITEM	KENYATAAN	MIN	SISIHAN PIAWAI
C1	Saya sentiasa berasa kurang yakin semasa menggunakan bahasa Arab di dalam kelas.	3.6750	1.01281
C3	Saya berasa gugup apabila saya tahu yang saya akan dipanggil oleh guru dalam kelas bahasa Arab.	3.5000	1.09888
C4	Saya berasa gementar apabila saya tidak faham apa yang dipertuturkan oleh guru dalam kelas bahasa Arab.	3.5938	1.03582
C9	Saya akan berasa panik sekiranya saya terpaksa bertutur dalam bahasa Arab tanpa sebarang persediaan.	3.9000	3.9000

C13	Saya malu untuk menjawab soalan secara sukarela semasa di dalam kelas	3.4063	1.21467
C14	Saya tidak akan berasa gementar untuk bercakap bahasa Arab dengan orang-orang Arab.	3.1562	1.21597
C18	Saya berasa yakin apabila saya bertutur menggunakan bahasa Arab ketika di dalam kelas	3.5312	.98365
C20	Saya dapat merasakan jantung saya berdegup ketika hendak pergi ke kelas bahasa Arab.	2.3875	1.23872
C24	Saya berasa segan dan malu apabila bercakap Arab di depan pelajar lain.	3.5312	1.16512
C27	Saya berasa gementar dan keliru apabila apabila bertutur menggunakan bahasa Arab.	3.1188	1.14030
C29	Saya jadi gementar apabila saya tidak faham setiap patah perkataan yang dipertuturkan oleh guru.	3.5250	1.06369
C33	Saya menjadi gementar apabila guru bertanya soalan dalam bahasa Arab untuk perkara yang saya tidak bersedia.	3.6812	1.08953

Analisis Deskriptif Kebimbangan Bahasa Terhadap Faktor Kebimbangan Berkomunikasi menunjukkan item 9 “ Saya akan berasa panik sekiranya saya terpaksa bertutur dalam bahasa Arab tanpa sebarang persediaan” berada pada tahap tinggi (M = 3.9000, SP = 3.9000). Ini menunjukkan bahwa para pelajar tidak mampu untuk bertutur dalam bahasa Arab sekiranya mereka tidak membuat persediaan terlebih dahulu. Mereka akan panik jika guru menyuruh mereka berkomunikasi dalam bahasa Arab secara spontan.

Jadual 5 : Analisis Deskriptif Kebimbangan Bahasa Terhadap Faktor Kebimbangan Terhadap Penilaian Negatif.

KEBIMBANGAN TERHADAP PENILAIAN NEGATIF

ITEM	KENYATAAN	MIN	SISIHAN PIAWAI
C2	Saya tidak bimbang melakukan kesilapan bahasa Arab di dalam kelas	3.5938	1.11195
C7	Saya sering merasakan bahawa pelajar lain mempunyai penguasaan bahasa Arab yang lebih baik dari saya.	4.2000	.85267
C8	Saya selalu merasa tenang ketika mengambil ujian bahasa Arab.	3.4562	1.08069
C15	Saya berasa kecewa apabila saya tidak faham pembetulan yang diberikan oleh guru.	3.9438	.89896
C19	Saya berasa gentar apabila guru sentiasa hendak memperbetulkan setiap kesalahan penggunaan bahasa Arab saya.	3.0625	1.17996
C21	Semakin kerap saya berlatih berbahasa Arab, saya jadi semakin keliru.	2.3125	1.21411
C23	Saya selalu beranggapan bahawa pelajar lain lebih fasih berbahasa Arab berbanding dengan saya.	4.1375	.92136
C31	Saya takut pelajar yang lain akan mentertawakan saya apabila bertutur dalam bahasa Arab.	3.1438	1.34045

Analisis Deskriptif Kebimbangan Bahasa Terhadap Faktor Kebimbangan Terhadap Penilaian Negatif menunjukkan item 7 “Saya sering merasakan bahawa pelajar lain mempunyai penguasaan bahasa Arab yang lebih baik dari saya.” berada pada tahap tinggi ($M = 4.2000$, $SP = .85267$). Ramai pelajar beranggapan mereka tidak menguasai bahasa Arab dengan baik berbanding pelajar lain.

Jadual 6 : Analisis Deskriptif Kebimbangan Bahasa Terhadap Faktor Kebimbangan Terhadap Ujian.

KEBIMBANGAN TERHADAP UJIAN

ITEM	KENYATAAN	MIN	SISIHAN PIAWAI
C5	Saya tidak takut untuk mengambil kelas bahasa Arab yang seterusnya.	4.2187	.79836
C6	Semasa di dalam kelas, saya sentiasa berfikir tentang perkara yang tidak berkaitan dengan bahasa Arab.	2.9937	1.20532
C10	Saya bimbang mengenai kesan daripada kegagalan dalam kelas bahasa Arab.	4.1375	.86503
C11	Saya tidak faham mengapa sesetengah pelajar berasa tertekan disebabkan oleh kelas bahasa Arab.	3.6250	1.03249
C12	Di dalam kelas bahasa Arab, saya selalu berasa gugup sehingga terlupa apa yang saya telah tahu.	3.1812	1.20727
C16	Walaupun saya sudah membuat persediaan yang baik untuk kelas bahasa Arab, saya masih berasa risau.	3.7250	1.02147
C17	Saya selalu berasa seperti tidak mahu pergi ke kelas bahasa Arab.	2.2500	1.31752
C22	Saya tidak berasa tertekan untuk membuat persediaan yang baik untuk kelas bahasa Arab saya.	3.9625	.90344
C25	Kelas bahasa Arab berjalan dengan cepat, saya bimbang jikalau saya ketinggalan.	3.7250	1.03371
C26	Saya berasa lebih tertekan dan gementar dalam kelas bahasa Arab berbanding dengan kelas saya yang lain.	3.0313	1.25604
C28	Apabila saya berjalan untuk ke kelas bahasa Arab, saya berasa yakin dan tenang.	3.8063	.87951
C30	Saya berasa seperti tertekan dengan beberapa peraturan yang harus saya belajar untuk berbahasa Arab.	2.8938	1.21104
C32	Saya menjadi gementar apabila guru bertanya soalan dalam bahasa Arab untuk perkara yang saya tidak bersedia.	3.3375	1.09250

Analisis Deskriptif Kebimbangan Bahasa Terhadap Faktor Kebimbangan Terhadap Ujian menunjukkan item 5 “ Saya tidak takut untuk mengambil kelas bahasa Arab yang seterusnya.”

berada pada tahap tinggi ($M = 4.2187$, $SP = .79836$). Ini menunjukkan majoriti para pelajar bahasa Arab bersedia untuk belajar bahasa Arab pada peringkat yang seterusnya.

Jadual 7 : Min dan sisihan piawai Kebimbangan Bahasa Guru Pelatih Major Arab, Institut Pendidikan Guru Malaysia.

Kebimbangan Bahasa	Min	Sisihan Piawai
Kebimbangan Berkomunikasi	3.4172.	63172
Kebimbangan Terhadap Ujian	3.4529	.48971
Kebimbangan Terhadap Penilaian Negatif	3.4812	.50259

Jadual 7 menunjukkan analisis tahap kebimbangan bahasa bagi Guru Pelatih Major Arab, Institut Pendidikan Guru Malaysia. Kebimbangan terhadap Penilaian Negatif berada pada tahap pertengahan iaitu ($M = 3.4812$, $SP = .50259$). Ini diikuti oleh Kebimbangan terhadap Ujian berada pada tahap pertengahan iaitu ($M = 3.4529$, $SP = .48971$) dan yang terakhir ialah Kebimbangan Berkomunikasi berada pada tahap pertengahan iaitu ($M = 3.4172$, $SP = .63172$).

Perbincangan

Berdasarkan kajian ini, lima implikasi pedagogi boleh dikemukakan seperti berikut :

1. Pelajar perlu diberi pendedahan dan pemahaman yang mendalam tentang kebimbangan bahasa yang sering mereka hadapi semasa dalam kelas bahasa Arab.
2. Pelajar perlu diajar tentang kepentingan memahami kebimbangan bahasa, melalui pemahaman ini akan membawa kepada kecemerlangan bahasa Arab.
3. Guru perlu memainkan peranan untuk mengenal pasti jenis-jenis kebimbangan yang dihadapi oleh para pelajar, oleh itu guru mampu merancang aktiviti yang boleh membantu pelajar menangani masalah kebimbangan berbahasa ini.
4. Pembelajaran bahasa dalam kelas mestilah dipelbagaikan supaya dapat membantu pelajar mendalami bahasa dengan lebih efektif.
5. Para pendidik bahasa Arab hendaklah memainkan peranan aktif untuk meninggikan mutu bahasa Arab.

Penutup

Kajian tentang kebimbangan bahasa dalam kalangan pelajar banyak dibincangkan di seluruh dunia. Kebimbangan bahasa juga turut menyumbang kepada pencapaian akademik seseorang, ia juga boleh mempengaruhi prestasi dan keputusan mereka dalam mata pelajaran bahasa asing yang dipelajari (Wan Zarina et al., 2007). Di Malaysia, kajian kebimbangan bahasa dalam kalangan pelajar telah banyak dilakukan sama ada di peringkat sekolah atau institut pengajian tinggi. Walau bagaimanapun, kajian terhadap bahasa Arab masih kurang dan perlu diteruskan agar mutu bahasa Arab dapat ditingkatkan lagi. Melalui kajian seumpama ini para pelajar, pendidik dan ibu bapa boleh menguasai pengetahuan tentang kebimbangan bahasa dengan lebih mendalam lagi. Pendedahan ini perlu diberi perhatian serius agar semua pihak mendapat pengetahuan dan ilmu yang berguna khususnya bagi mereka yang terlibat dalam bidang bahasa Arab.

Rujukan

- Azizah Rajab, Norhanim Abdul Samat & Wan Zarina Wan Zakaria. (2006). Tinjauan Tahap Kebimbangan Di Kalangan Guru Pelatih TESL. *Projek penyelidikan VOT 71788, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.*
- ElKhafaifi. H. (2005). Listening Comprehension and Anxiety In The Arabic Language Classroom. *The Modern Language Journal*, 89-ii: pp. 206- 220.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi, Parilah M. Shah, Wan Haslina Wah & Ahmed Thalal Hassan. (2011). Kepercayaan Jangkaan Keupayaan Kendiri Dalam Kalangan Pelajar Kursus Bahasa Arab. *Gema Online TM Journal of Language Studies Volume*, 11(1): 81-96.
- Horwitz, E.K., Horwitz M.B. & Cope.J. (1986). Foreign Language Classroom Anxiety. *The Modern Language Journal*, 70-ii: pp. 125-132.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*, *Educational and Psychological Measurement*, 30(3): 607- 610.
- Laporan Praktikum Semester Lapan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Major Pendidikan Islam.* (2007). Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis.
- Noor Hashima Abdul Aziz. (2007). *ESL Students' Perspectives On Language Anxiety*. Phd Thesis. Universiti Putra Malaysia.
- Nor Haliza Ibrahim & Khaidzir Hj. Ismail. (2010). Kebimbangan Terhadap Penggunaan Bahasa Inggeris Dalam Kalangan Pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar Bil. 13 Jun/June*: pp. 73-87.
- Wan Zarina Wan Zakaria, Azizah Rajab, Norfazila Sayuti & Nur al-Huda Hashim. (2007). Kajian tahap keresahan di kalangan pelajar bahasa asing terhadap matapelajaran bahasa asing. *Projek Penyelidikan VOT 75061, Universiti Teknologi Malaysia.*
- Oxford, R.L. (1990). *Language Learning Strategies: An Update*. ERIC Digest. Washington DC: ERIC Clearinghouse on language and linguistics ED376707.